

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HSM 316 – Seminar Sejarah Politik Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan perkaitan faktor-faktor sosial dan ekonomi dengan perkembangan politik di Tanah Melayu antara 1900-1941. Sejauh manakah unsur-unsur luaran mempengaruhi perkembangan dan pemikiran politik di Tanah Melayu dalam tempoh tersebut?
2. "Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 menguburkan buat selama-lamanya Malayan Union yang diperkenalkan British pada 1946. Ia adalah kemenangan mutlak bagi orang Melayu dalam perjuangan mereka mencapai hasrat Tanah Melayu sebagai hak orang Melayu". Nilaikan pandangan ini.
3. "Dengan terjadinya kerjasama UMNO dengan MCA pada tahun 1952, maka bermulalah buat pertama kalinya pakatan politik antara kaum di Malaysia". Ulaskan.

4. "Seandainya tidak berlaku peningkatan dalam kegiatan Parti Komunis Malaya, darurat tentu tidak diisyiharkan pada bulan Jun 1948". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
5. Apakah pada pendapat anda faktor utama yang menyebabkan tertubuhnya Malaysia pada 1963 dan berpisahnya Singapura daripada Malaysia pada 1965?
6. "Peristiwa 13 Mei 1969 tercetus akibat semangat perkauman yang diapi-apikan parti-parti pembangkang dan hasutan anasir-anasir komunis dan subversif. Rakyat sesungguhnya tidak mempunyai sebab yang kuat untuk tidak menyokong kerajaan Perikatan". Bincangkan.